

Pelajar ASK sertai festival kesenian rakyat di Sepanyol

BH
6/7/99

SEMBILAN pelajar Akademi Seni Kebangsaan (ASK) dan seorang pensyarah mereka berlepas ke Sepanyol, Isnin lalu untuk menyertai *Folkloriko International Festival De' Vitorio-Gasteize & Alava Spain*, satu festival kesenian rakyat bertaraf dunia yang kebiasaannya disertai tidak kurang daripada lapan negara di dunia.

Delegasi pelajar itu diketuai pensyarah Jabatan Tari, Suhaimi Magi akan berada selama sembilan hari di negara berkenaan.

Mereka dijadualkan mengadakan enam pementasan pada festival bertaraf dunia.



SUHAIMI MAGI
...ketua delegasi

Suhaimi berkata, penyertaan ASK pada festival bertaraf dunia bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar ASK di peringkat antarabangsa selain memperkenalkan keunikan kesenian dan kebudayaan Malaysia.

Selain itu, ia bertujuan memperkenalkan ASK sebagai sebuah institusi pengajian tinggi dalam bidang kesenian yang ulung di Malaysia.

Sembilan pelajar yang terpilih ialah Rosmalinda Abu Samah, Abdul Hamid Chan, Syed Mustapha Syed Yassin, Rezawate Razali, Afna Juitarina Ali Amberan, Saliza Ali, Junainah M Lonjong, Noor Aznizar Abdul Ghani dan Yuni Norleitey Yunos.

Mereka adalah pelajar tahun dua hingga tahun empat.

Pada festival itu mereka akan mengadakan persembahan tarian tradisional dan tarian ciptaan baru.

Antara tarian tradisional ialah *Tarian Asyik, Zapin, Layang Mas, Ngajat, Daling-daling, Joget dan Tarian Endang*. Dua tarian kreasi baru ialah *Zapin Kreasi, Serkam II*.

Suhaimi berkata, mereka akan mengadakan persem-

bahan di beberapa tempat seperti pada majlis perasmian di Salvatierra, Vitoria Gasteiz, Izarra dan Alaiza.

Pemilihan ASK bukan sesuatu yang mengejutkan kerana akademi itu sudah lama harum dalam bidang tarian dan teater selain ia turut bergabung dengan *World Dance Alliance*. Malaysia adalah pusat gabungan itu.

Sebelum ini ASK pernah menyertai festival tari di Korea Selatan pada 1995 dan di Hong Kong dua tahun lalu.

Ia juga kadangkala menjadi pusat persembahan tarian di peringkat serantau.

Menurut Suhaimi, sebahagian besar tarian yang dipersembahkan adalah kesenian rakyat sesuai dengan yang ditetapkan penganjur manakala sesetengahnya tarian tradisional tetapi diolah dalam bentuk moden.

Sebagai contoh *Tarian Serkam II* adalah berasaskan kepada silat tetapi sebagai penari mereka melihat dalam bentuk moden dan digabungkan dengan unsur moden tanpa mengabaikan yang tradisional.

Penyertaan Malaysia di peringkat antarabangsa penting untuk menonjolkan walaupun kita maju tetapi akar kesenian masih utuh.